



16 MAY, 2025

## Energy Asia 2025 pacu agenda peralihan tenaga



Berita Harian, Malaysia

# Energy Asia 2025 pacu agenda peralihan tenaga

Program tiga hari PETRONAS himpukan pemimpin industri tenaga seluruh dunia

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**PETRONAS** terus mengukuhkan komitmennya untuk memacu agenda peralihan tenaga di rantau ini menerusi pengajuran Energy Asia 2025 buat kali kedua yang bakal berlangsung pada 16 Jun di Kuala Lumpur.

Program selama tiga hari itu bakal menjadi platform penting yang menghimpunkan pemimpin industri tenaga dari seluruh dunia bagi membincangkan usaha bersama ke arah mencapai peralihan tenaga yang mampan untuk Asia dan seterusnya memberi impak positif kepada dunia.

Naib Presiden, Hubungan Strategik Kumpulan dan Komunikasi, PETRONAS, Ir Norafizal Mat Saad, berkata Energy Asia bukan sahaja menonjolkan komitmen PETRONAS dalam memperkuatkan kerjasama serantau, malah menjadi pampang kepada sinergi pelbagai pihak dalam menjayakan pelan peralihan tenaga yang lebih menyeluruh dan inklusif.

"Energy Asia menjadi medan untuk pemain industri tenaga berkongsi pandangan, bertukar kepakaran dan merangka penyelesaian bersama bagi menangani cabaran global serta memenuhi tuntutan



Norafizal (enam dari kiri), Presiden MPI, Datuk Yong Soo Heong (lima dari kiri) dan Timbalan Presiden MPI yang juga Timbalan Pengarang Urusan Kumpulan Media Prima, Farrah Naz Abd Karim (tiga dari kiri) bersama ahli panel pada majlis Lunch Escape: Road to Energy Asia di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

kelestarian masa depan.

"Acara ini juga dijangka memperkuatkan kedudukan Malaysia sebagai hab perbincangan strategik serantau dalam landskap tenaga yang semakin kompleks dan dinamik," katanya ketika ditemui media pada majlis Lunch Escape: Road to Energy Asia di Kuala Lumpur, semalam.

Persidangan Energy Asia 2025 dijadual berlangsung dari 16 hingga 18 Jun ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dianjurkan bersama CERAWeek oleh S&P Global selaku Rakan Ilmu, bertujuan menjadi pemangkin kepada aspirasi sifar bersih serantau.

Bertemakan *Delivering Asia's Energy Transition*, persidangan ini akan memberi fokus kepada usaha kerjasama rentas negara Asia bagi memperkuatkan keselamatan tenaga, memperluas penggunaan tenaga boleh diperbaharui, melaksanakan penyelesaian nayahkarbon, mempercepat

pemindahan teknologi serta merangsang pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosio-ekonomi.

Energy Asia 2025 dijangka menghimpunkan 180 penceramah terkemuka dunia dan lebih 4,000 delegasi dari 50 negara, dengan lebih 50 sesi dialog strategik merangkumi tujuh subtema utama, termasuk ekonomi, dasar dan geopolitik; masa depan pasaran tenaga; pasaran kuasa dalam peralihan; teknologi, inovasi dan ekonomi kitaran; pasaran modal; iklim dan kelestarian serta bakat dan keupayaan.

## Perkasakan Energy Asia

Sementara itu, Pengurus Besar Kanan Energy Asia dan Strategi, Perancangan & Tadbir Urus di Jabatan Perhubungan Strategik & Komunikasi Kumpulan PETRONAS, Datin Arni Laily Anwarrudin, berkata usaha untuk memperkasakan Energy Asia diteruskan saban tahun, khususnya dalam pengajuran edisi kedua tahun ini

yang memberi penekanan kepada peningkatan impak dan capaian program.

"Tahun ini, selain sesi meja bulat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO Roundtable), kami turut memperkenalkan serta memperkuatkan program Future Energy Leaders yang menyasarkan golongan muda.

"Inisiatif ini bertujuan melahirkan generasi pelapis yang bukan sahaja berminat, tetapi juga komited untuk menyertai agenda peralihan tenaga.

"Program ini juga diwujudkan bagi menyediakan ekosistem yang lebih menyeluruh, dengan pendedahan kepada peluang yang wujud dalam landskap peralihan tenaga," katanya.

Beliau menambah, Energy Park juga diberi nafas baharu dengan saiz dua hingga tiga kali ganda lebih besar berbanding edisi 2023, menampilkan gabungan teknologi dan inovasi yang lebih nyata serta interaktif.